

Karnival Pengajian Tinggi Negara 2012

'JOM MASUK U'

Artikel oleh: Fairendy Fairuz

Bermula pada 14 Januari 2012 sehingga 1 April 2012, Sekolah Sains dan Teknologi tidak ketinggalan menghantar wakil untuk menyertai Karnival Pengajian Tinggi Negara yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang diselaraskan oleh Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS. Karnival ini telah diadakan di 11 zon yang terpilih seperti Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak, Perak, Johor dan WP Kuala Lumpur. Semasa karnival ini, wakil-wakil daripada SST berpeluang untuk mempromosikan serta menyebarkan maklumat mengenai program-program pengajian yang ditawarkan oleh SST kepada calon-calon pelajar Pra Siswazah yang terdiri pelajar-pelajar yang sedang belajar dan lepasan di peringkat SPM / STPM / Diploma / Matrikulasi mahupun lepasan-lepasan SPM / STPM / Diploma / Matrikulasi.

